



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

PERINCIAN MENGENAI PENGOPERASIAN KAUNTER-KAUNTER AGENSI PENGANGKUTAN DARAT DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN SEPANJANG TEMPOH PKP 3.0 MULAI 1 - 14 JUN 2021

Susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di seluruh negara mulai 1 - 14 Jun 2021, semua urusan niaga dan perkhidmatan yang disediakan di kaunter-kaunter agensi bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dihentikan operasi sementara, hanya urusan kenderaan perdagangan perkhidmatan perlu (essential services) yang memerlukan perjalanan rentas sempadan negara sahaja dibenarkan melalui temujanji.

Agensi-agensi tersebut adalah ;

- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
- PUSPAKOM.
- Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).
- Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah.
- LPKP Sarawak.

Berikut adalah keputusan dasar yang dibuat demi membantu rakyat akibat daripada penutupan kaunter perkhidmatan bagi agensi-agensi di bawah MOT sepanjang tempoh PKP 3.0 ;

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)

- Kelonggaran diberikan kepada pemilik Lesen Memandu (LM), Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Vokasional (PSV/GDL) yang tamat tempoh pada mana-mana tarikh antara 1 Jun sehingga 31 Julai 2021, dibenarkan memperbaharui LM, LKM dan PSV masing-masing dalam tempoh 60 hari iaitu bermula 1 Ogos- 30 September 2021.
- Seperti kelonggaran sebelum ini, pemilik LKM yang tamat tempoh hendaklah memastikan kenderaan masing-masing memiliki perlindungan insurans yang sah dan menunjukkan salinan sijil perlindungan insurans (e-cover note) sekiranya diminta pihak berkuasa.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

- Kaunter bagi urusan pertukaran hak milik kenderaan adalah ditutup sementara, namun orang ramai boleh berurusan secara dalam talian menerusi e-auto atau MyEG.
- Kiosk JPJ dibuka dari jam 8.30 pagi - 4.00 petang (kiosk dalam premis JPJ) dan 6.00 pagi - 8.00 malam (kiosk di luar premis) mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

APAD dan LPKP

- Pengecualian daripada memperbaharui lesen dan permit seperti berikut:
 - a) Lesen Pengendali
 - b) Permit Kenderaan Perdagangan
 - c) Lesen Kenderaan Pelancongan
 - d) Kad Pemandu
- Kesemua lesen dan permit yang dinyatakan di atas dibenarkan beroperasi walaupun telah tamat tempoh dengan syarat mempunyai perlindungan insurans yang sah.

PUSPAKOM

- Tempoh sah laku kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM dilanjutkan mengikut baki selepas tamat tempoh PKP 3.0





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Dalam masa sama, MOT menggalakkan orang ramai supaya dapat berurusan dengan mana-mana agensi secara dalam talian untuk perkhidmatan yang berkaitan. Dapatkan maklumat terkini dan sahih dengan melayari laman web serta laman media sosial rasmi agensi-agensi yang berkaitan untuk maklumat lebih lanjut.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
31 MEI 2021

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Hotline 1- 800 - 88 - 7723
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

